

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
(SIPITANG)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [SIPITANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa banyak syarikat dan premis perniagaan yang layak mendaftar dengan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) tetapi tidak berbuat sedemikian sehingga kini.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah perniagaan yang berdaftar GST sehingga 10 Mac 2016 adalah sebanyak 406,602. Daripada jumlah ini, bilangan syarikat yang berdaftar secara mandatori iaitu yang mempunyai nilai jualan tahunan melebihi RM500,000 adalah sebanyak 297,175 buah syarikat. Selain itu, syarikat yang berdaftar secara sukarela adalah

sebanyak 109,427 buah syarikat. Bilangan ini adalah melebihi sasaran asal pendaftaran mandatori sebanyak 240,000 buah syarikat. Pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia mengambil langkah berterusan menjalankan operasi untuk mengesan perniagaan yang layak untuk berdaftar GST.